



**KEPUASAN PALING RENDAH:** Hanya 60 peratus penduduk berpuas hati mengenai kebersihan di pusat penjaja, menurut Kaji Selidik Kepuasan Kebersihan Awam yang dijalankan dari lewat tahun lalu hingga Mac lepas. – Foto THE STRAITS TIMES

# Hampir 90% penduduk puas hati tentang kebersihan di tempat awam

HAMPIR sembilan daripada 10 penduduk Singapura berkata mereka berpuas hati mengenai tahap kebersihan di tempat awam yang kerap mereka kunjungi.

Demikian antara dapatan satu kaji selidik yang dikeluarkan semalam.

Bagaimanapun, kepuasan bagi tahap kebersihan tersebut berbeza-beza bagi 20 kategori tempat awam. Ia termasuk pusat bandar Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) dan pasar yang ditinjau.

Menurut Kaji Selidik Kepuasan Kebersihan Awam yang dijalankan dari lewat tahun lalu sehingga Mac lalu, penduduk setempat berasa kurang berpuas hati dengan tahap kebersihan di pusat penjaja serta di akhir acara umum.

Ini termasuk di akhir Perbarisan Hari Kebangsaan, konsert dan maraton.

Kajian yang meninjau 2,000 warga Singapura dan penduduk tetap itu dite-

rajuai pakar sosiologi (amali) Universiti Pengurusan Singapura (SMU), yang juga zamil penyelidik kanan Institut Pengajian Dasar, Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Mathew Mathews.

Tinjauan itu mendapati secara umum 87 peratus responden berpuas hati mengenai kebersihan di ruang awam yang mereka kunjungi dan ini termasuk estet perumahan, laluan pejalan kaki serta kawasan riadah seperti taman dan tempat permainan kanak-kanak.

Lebih separuh, iaitu 53 peratus, berkata mereka berasa Singapura kini lebih bersih berbanding lima tahun lalu.

Hanya satu dalam 10 orang, iaitu 11 peratus, berkata Singapura semakin kotor.

Kepuasan tertinggi dicatat bagi stesen kereta api – bagi kedua-dua MRT dan LRT – serta jalan raya.

Ia mencapai 97 peratus bagi stesen

kereta api serta 95 peratus bagi jalan raya.

Namun, kepuasan paling rendah diperolehi bagi kebersihan pusat penjaja serta ruang awam menyusuli sesuatu acara.

Ia mencapai 60 peratus bagi pusat penjaja dan 59 peratus bagi ruang awam di akhir acara.

Tatkala hanya 56 peratus responden berkata mereka berpuas hati dengan “ketelitian pembersihan” di pusat penjaja dan kedai kopi, hanya sekitar sepertiga – 35 peratus – berkata kebanyakan atau setiap masa mereka membersihkan pinggan mangkuk sendiri di tempat makan tersebut.

“Tingkah laku prososial seperti memungut dan membuang sampah dengan betul di kawasan awam serta membersihkan pinggan mangkuk sendiri di pusat penjaja belum lagi menjadi satu budaya,” kata para penyelidik.